



SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI PEJABAT PTPTN CAWANGAN NIBONG TEBAL, MANJUNG, BATU PAHAT, BESUT DAN MIRI

1. KENYATAAN AM / TAWARAN

1.1 Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang **220801 - Kawalan Keselamatan** untuk **Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Di Pejabat PTPTN Cawangan Nibong Tebal, Manjung, Batu Pahat, Besut Dan Miri** dan masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini untuk Sebut Harga berikut:-

Tajuk	Kategori	Kod Bidang	No. Dokumen	Tarikh Buka Sebut Harga	Tarikh Tutup Sebut Harga
Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Di Pejabat PTPTN Cawangan Nibong Tebal, Manjung, Batu Pahat, Besut Dan Miri	Kawalan Keselamatan (Perlu Lesen KDN)	<u>220801</u>	PTPTN/ 2017/SH31	09 November 2017 (Khamis)	17 November 2017 (Jumaat) sebelum jam 12.00 tengah hari

- Taklimat berkaitan Sebut Harga akan diadakan pada 10 November 2017 (Jumaat), jam 9.30 pagi bertempat di Bilik Perbincangan 1, Tingkat 1, Blok D Menara PTPTN, Megan Avenue II, Jalan Yap Kwan Seng, Kuala Lumpur. (WAJIB HADIR)

1.2 **Taklimat berkaitan Tender adalah WAJIB** dihadiri oleh semua petender yang berminat. Kegagalan menghadiri taklimat seperti yang ditetapkan akan menyebabkan petender tidak layak dipertimbangkan menyertai Tender ini.

1.1 Dokumen Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di **Bahagian Perolehan, Tingkat 13A, Menara PTPTN, Blok D, Megan Avenue II, No.12 Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur.**

- 1.3 Sebut Harga yang lewat dihantar tidak akan diterima / dilayan. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada Sebut Harga yang dihantar.
- 1.4 Semua keterangan mengenai Sebut Harga ini atau butir-butir lengkap mengenai syarat-syarat dan penentuan perkhidmatan perlu dikemukakan bersama-sama dokumen ini.
- 1.5 **Tawaran akan ditolak sekiranya gagal memenuhi mana-mana syarat dalam dokumen Sebut Harga.**
- 1.6 Pemilihan syarikat akan dibuat berdasarkan kebolehan dalam **memenuhi skop kerja dan mematuhi spesifikasi yang ditetapkan serta anggaran kos yang ditawarkan** oleh penyebut harga dan hanya penyebut harga yang berjaya akan dihubungi.
- 1.7 Pihak PTPTN berhak menamatkan perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat pada bila-bila masa sekiranya :
 - a) Tidak mematuhi skop kerja;
 - b) Tidak memenuhi kriteria yang telah dipersetujui;
 - c) Tidak mengikuti spesifikasi yang ditetapkan.
- 1.8 Semua pertanyaan atau penjelasan boleh berhubung dengan pegawai-pegawai berikut :

Bahagian Perolehan

- | | | |
|------|--------------------------------------|-------------------|
| i. | Encik Zubir bin Che Embi | Tel: 03.2193.1015 |
| ii. | Encik Muhammad Jihadullah bin Othman | Tel: 03.2193.1441 |
| iii. | Puan Rocida binti Ahmad | Tel: 03.2193.1440 |

**Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
Bahagian Perolehan,
Tingkat 13A, Menara PTPTN, Blok D, Megan Avenue II,
No.12 Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur**